

## MCG Spiritual Night 2014 dan Majlis Doa Kesyukuran

Pada 19 Disember 2014, Kelab Pelajar Program Matematik dengan Grafik Berkomputer telah menganjurkan MCG Spiritual Night 2014. Program yang diadakan buat julung kalinya ini adalah bertujuan untuk memantapkan persiapan rohani para pelajar MCG bagi menghadapi peperiksaan akhir semester yang akan bermula pada minggu berikutnya. Pengisian aktiviti ini terbahagi kepada dua iaitu aktiviti untuk pelajar-pelajar beragama Islam dan aktiviti untuk pelajar yang bukan beragama Islam. Bagi mereka yang beragama Islam, beberapa aktiviti bercorak keagamaan telah diadakan. Ini termasuklah bacaan Surah Yaasin, solat Fardhu Maghrib dan Isyak secara berjemaah, tazkirah Maghrib yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abdullah Bade dan solat sunat hajat. Di samping itu, bacaan doa kesyukuran turut diadakan bersempena kejayaan Program MCG mengendalikan dua aktiviti berskala besar pada tahun 2014 iaitu Kem Matematik Perdana 2014 dan *3<sup>rd</sup> International Conference on Interactive Digital Media (ICIDM 2014)*. Bagi pelajar yang bukan beragama Islam, sesi perkongsian khas yang dikendalikan oleh penceramah undangan khas, Dr. Chee Fuei Pien (Pensyarah Program Fizik dan Elektronik) telah diadakan buat mereka. Majlis ini diakhiri dengan jamuan makan dan sesi bergambar. Semoga aktiviti sihat seumpama ini akan terus diadakan pada masa akan datang.